

19/09/1997

Kumaratunga sifatkan lawatan berhasil

KUALA LUMPUR, Khamis - Presiden Sri Lanka, Chandrika Kumaratunga, berkata lawatan empat harinya ke Malaysia dapat menjalin hubungan yang lebih rapat di antara kerajaan kedua-dua negara.

Menurutnya, ada banyak perkara yang dapat dipelajari daripada pengalaman Malaysia membangunkan negara yang disifatkan sebagai suatu pencapaian yang amat membanggakan.

"Apa yang paling saya kagumi ialah Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) berjaya menggabungkan pembangunan dengan mengekalkan tradisi kebudayaan dan semangat Malaysia," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatannya di sini hari ini.

Beliau berkata, hubungan kini akan dipereratkan atas asas yang diwujudkan antara kedua-dua kerajaan dan sektor swasta masing-masing.

Kumaratunga berkata, sepanjang lawatan itu negaranya berjaya menarik pelaburan bernilai lebih AS\$1 bilion (RM3 bilion) dari Malaysia.

Katanya, nilai pelaburan itu berdasarkan memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani di antara empat syarikat Malaysia dengan Lembaga Pelaburan Sri Lanka (BOI) untuk beberapa cadangan projek pembangunan.

(END)